

'Sembunyikan keputusan punca hilang Batu Puteh'

BERITA HARIAN 02 APR 2024

mk: 7

Individu didakwa putuskan sendiri tanpa diketahui sesiapa termasuk Peguam Negara

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri yang membuat keputusan secara sembunyi adalah individu yang bertanggungjawab menyebabkan Malaysia kehilangan Batu Puteh dalam proses rayuan di mahkamah antarabangsa, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said.

Beliau mendedahkan, Perdana Menteri ketika itu membuat keputusan secara bersendirian, tanpa sesiapa mengetahuinya termasuk Peguam Negara yang bercuti ketika itu.

"Peguam Negara cuti empat hari *garden leave* dipaksa cuti, tiada siapa yang tahu, keputusan dibuat sembunyi-sembunyi me-

nyebabkan kita hilang Batu Puteh dalam proses rayuan antarabangsa dan tidak seorang pun mengembar-gemburkan isu ini dan mengaitkan dengan soal kehilangan kedaulatan.

"Perkara ini sudah disiasat pasukan petugas khas, dia dipanggil tetapi dia tak datang dan kini sudah ada Suruhanjaya Diraja (RCI).

Beliau boleh dipanggil, jika tidak hadir boleh ditangkap," katanya ketika mengulung perbahasan Rang Undang-Undang (RUU) Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023, di Dewan Negara, semalam.

Tanpa menamakan Perdana Menteri berkenaan, Azalina berkata, perkara itu berlaku ketika beliau tidak menjawat jawatan menteri.

Katanya, Malaysia tidak akan kehilangan Batu Puteh jika peristiwa itu berlaku ketika beliau menjadi menteri.

Beliau berkata, semua pihak perlu memberikan kepercayaan kepada RCI untuk Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan yang ditubuhkan untuk mencari kaedah penyelesaian serta penambahbaikan mengenai sebarang isu membabitkan kedaula-



Azalina ketika Persidangan Dewan Negara, semalam.

(Foto BERNAMA)

tan negara.

Terdahulu ketika perbahasan beberapa senator membangkitkan kebimbangan mereka berhubung kuasa Perdana Menteri dalam Fasal 30, 31, 32 dan 33 dalam perbahasan RUU Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023.

Penyalahgunaan kuasa

Mereka bimbang kuasa perdana menteri itu menyebabkan penyalahgunaan kuasa yang tidak sihat kepada pentadbiran negara.

Menjelaskan perkara itu, Azalina berkata, tidak sepatutnya wujud kekhuatiran itu kerana

keputusan perdana menteri perlu diwartakan dan dibentangkan kepada umum.

Pada 23 Mei 2008, Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) memutuskan Singapura mempunyai hak terhadap Batu Puteh, manakala Batuan Tengah yang terletak kurang satu kilometer (km) dari pulau itu milik Malaysia.

ICJ juga memutuskan hak milik Tubir Selatan, kira-kira 4 kilometer dari Batu Puteh, akan ditentukan mengikut persempadanan perairan negara yang menguasainya.